

19/05/2000

Lelaki tertinggi dunia mahu jadi pelakon

KUALA LUMPUR, Khamis - Lelaki tertinggi di dunia, Zafar Ullah Satti, yang kini berada di negara ini untuk tujuan promosi dan publisiti, belum menemui orang atau pertubuhan tertentu yang dapat membantu beliau memenuhi impiannya.

Dalam satu temu bual dengan Bernama di sini, Zafar Ullah, 27 melahirkan perasaan bahawa lawatannya mungkin tidak berhasil.

Zafar Ullah, setinggi 2.28 meter dan mempunyai berat badan 150 kilogram juga berharap mendapat pekerjaan sebagai pelakon dengan syarikat perfileman tempatan ketika berada di negara ini.

Rakyat Pakistan itu yang berada di sini sejak 10 Mei akan berlepas ke Singapura pada 26 Mei.

Selain usaha publisiti yang beliau rancangkan, Zafar Ullah juga berharap menghadiri majlis amal untuk membolehkan beliau menyampaikan mesej khas bagi pihak orang cacat dan terencat akal.

"Saya mahu memberitahu masyarakat terutama pihak berkenaan, supaya memberi layanan yang sama rata kepada orang seperti kami yang bukan seperti orang biasa.

"Kami juga manusia dan kami mahu hidup seperti juga manusia biasa," kata beliau yang bercakap melalui penterjemah.

Zafar Ullah berkata walaupun beliau suka tumpuan yang diperolehinya apabila berada di khalayak ramai, hidupnya adakalanya kesunyian.

"Beliau tidak boleh mengunjungi rumah kawan atau saudara-mara tanpa memberitahu mereka dahulu. Beliau selalu beranggapan bahawa beliau akan menyusahkan mereka kerana terpaksa menyediakan kerusi atau katil khas," kata sepupunya, Dr Zafar Ahmed Satti yang mengiringi Zafar Ullah.

Dr Zafar Ahmed berkata, menjadi manusia tertinggi di dunia juga bermakna Zafar Ullah menarik perhatian ramai orang dan ini menyebabkan beliau kadangkala menjauhkan diri daripada masyarakat dan memencilkan diri dalam biliknya.

Hakikat ini diakui pekerja hotel, tempat beliau menginap di sini.

"Dia terpaksa tidur dengan kakinya diletakkan di atas kerusi. Kami meletakkan tilam tambahan di atas katil supaya dia berasa selesa," kata seorang pekerja hotel.

Seorang lagi pekerja yang menghantar makanan ke biliknya berkata Zaffar Ullah terpaksa makan dalam biliknya kerana orang asyik memerhatikannya semasa dia sedang makan.

Zaffar Ullah juga melahirkan harapan untuk menemui pemimpin negara terutama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dikaguminya.

- Bernama

(END)